

28/10/1997

Mokhzani nafi hadapi masalah kewangan

PENGERUSI Eksekutif Tongkah Holdings Bhd (Tongkah), Mokhzani Mahathir, menafikan spekulasi yang mendakwa beliau dan abangnya, Mirzan kini berada dalam kedudukan kewangan yang tenat.

Mokhzani yang juga Ketua Eksekutif Tongkah, berkata walaupun dalam keadaan negara dilanda kegawatan mata wang dan pasaran saham, kedudukannya dan Mirzan masih kukuh dari segi kewangan.

"Saya ingin menjelaskan kedudukan kami masih teguh dan yakin akan lebih baik lagi apabila ketidaktentuan ini pulih," katanya ketika diminta mengulas ura-ura yang mengatakan dua beradik itu kini menghadapi masalah kewangan.

Bercakap selepas majlis memeterai perjanjian usaha sama yang membabitkan Tongkah di Kuala Lumpur, semalam, Mokhzani juga mempertahankan kekukuhan kewangan Mirzan yang turut terbabit dalam dunia korporat.

Menurutnya, Mirzan yang antara lain terbabit dalam sektor pengangkutan bersepadu dengan menerajui DiPerdana Corporation Bhd (DiPerdana) dan Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) kini berkeadaan baik.

Katanya, kedudukan kewangannya masih kukuh dan ia terbukti apabila baru-baru ini ada pihak yang mahu menjual sebuah syarikat awam yang disenaraikan kepadanya pada harga amat rendah.

"Kami mempunyai tunai di bank," katanya merujuk kepada unjuran yang dimiliki sebuah lagi syarikat diterajunya, Hospital Pantai Bhd (HPB) hasil penjualan 20 peratus ekuiti Parkway Holdings Ltd (Parkway) bernilai RM686 juta.

Selain mempunyai beberapa kumpulan syarikat yang terbabit dalam pelbagai kegiatan, Mokhzani dan syarikat pegangan utamanya, Tongkah memiliki lebih 50 peratus ekuiti dalam HPB.

"Saya juga yakin bahawa abang saya (Mirzan) seorang ahli perniagaan yang berhemat dan yakin beliau sudah mengambil pelbagai langkah perlu bagi memastikan kedudukan kewangannya mantap.

"Beliau (Mirzan) bukanlah bodoh dan kerana kepintarannya itulah dia boleh sampai ke peringkat dia berada hari ini. Saya pasti syarikatnya sudah bersedia menghadapi keadaan seperti ini dan akan lebu kukuh lagi," katanya.

Mokhzani juga menafikan bahawa abangnya memberi laluan kepada Petronas untuk mengambil alih 29.3 peratus saham dalam Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC) kerana kejatuhan pasaran saham.

(END)